

Usaha elak kenaikan inflasi: PM

Jangan ghairah minta upah tinggi

Oleh WAN RAZMAN JURAIMI

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta rakyat supaya tidak menuntut kenaikan upah secara membuta tuli kerana ia boleh menyebabkan kenaikan inflasi.

Menurutnya, kenaikan upah hanya bermakna, jika ia tidak menyebabkan kenaikan harga dan ini boleh berlaku jika produktiviti dapat ditingkatkan lebih tinggi daripada upah.

Beliau berkata, strategi kerajaan sekarang ialah menambah peluang pekerjaan dengan banyaknya sehingga bilangan pekerja hampir tidak mencukupi.

"Dengan ini majikan akan berlumba-lumba mendapatkan pekerja dan mereka menawarkan upah yang lebih tinggi. Ini sudah pun berlaku sekarang," katanya di majlis makan malam sempena ulang tahun ke-25 Public Bank, di sini, malam ini.

Perdana Menteri berkata, negara kini tidak ditimpa tekanan inflasi yang tinggi dan ia berada di paras tiga peratus setahun, berbanding sesetengah negara yang mana inflasi meningkat hingga 20,000 peratus setahun.

Beliau berkata, sebenarnya inflasi yang tinggi hingga 20,000 peratus adalah disebabkan oleh kerajaan yang hanya ingin menjadi popular dengan rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah yang menjadi majoriti penduduk.

"Dalam keinginan untuk menjadi popular, apabila barang-barang naik harga sedikit, maka kerajaan akan bersetuju dengan kenaikan upah supaya kononnya pekerja akan dapat membeli sebanyak yang dahulu dibelinya," katanya.

Menurutnya, ada sesetengah negara yang sanggup mengikatkan harga barang-barang dengan kenaikan upah, iaitu jika harga naik sepuluh peratus, maka gaji turut naik dengan peratusan yang sama.

"Oleh kerana upah naik, kos pengeluaran, pengangkutan dan pemasaran juga turut naik dan keadaan itu menyebabkan harga barang naik lagi," katanya.

Mengenai mogok dan ugutan untuk mogok, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ia bukanlah cara untuk menambah pendapatan pekerja, walaupun pekerja memang boleh mengugut untuk merosakkan sesuatu perniagaan jika mereka tidak memperolehi apa yang dituntut.

Bagaimanapun, katanya, perniagaan yang rosak tidak mudah untuk dipulihkan kerana di negara yang maju sekalipun, perniagaan yang rosak tidak dapat

dipulihkan, terutama dalam dunia yang memaksa persaingan yang hebat diadakan sepanjang masa.

"Memang benar apabila sesebuah syarikat memperolehi keuntungan, pekerja berhak mendapat sebahagian daripada keuntungan melalui kenaikan gaji atau bonus.

"Sehubungan itu, mogok bukanlah cara menyelesaikan masalah kerana cara itu sudah usang dan terbukti ia boleh menghancurkan ekonomi sesebuah negara yang kelak turut menjejaskan pendapatan pekerja," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menasihatkan majikan supaya menyedari hakikat itu, di samping berlaku adil kepada pekerja dan menyelesaikan sebarang masalah yang timbul secara perundingan.

Mengenai Wilayah Persekutuan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa, beliau berkata, ia adalah sebahagian daripada strategi kerajaan untuk membangun dan meluaskan perkhidmatan kewangan Malaysia untuk menyokong teras negara ke arah Wawasan 2020.

Menurutnya, Labuan dijangka menjadi jendela kepada Malaysia untuk menarik lebih banyak modal asing supaya dapat membiayai program perindustrian negara.

"Labuan adalah satu jendela untuk menarik idea dan kepakaran baru dalam bidang pengurusan bank dan ia dapat menambatkan kematangan di dalam sektor kewangan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menggesa bank tempatan yang memiliki anak syarikatnya di Labuan supaya berusaha menjadi "pasar raya kewangan" setempat supaya Malaysia dan negara jirannya tidak perlu memandang lebih jauh dari Labuan untuk memenuhi keperluan kewangan luar pesisir mereka.